

21/05/2001

Pandikar Amin sifatkan Akar umpama bahtera kecil

KOTA KINABALU, Ahad - Datuk Pandikar Amin Mulia berkata, keputusan membubarkan parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) dan ahlinya memohon menyertai Umno secara beramai-ramai, semata-mata bertujuan mengukuhkan perpaduan rakyat.

Beliau yang juga Presiden Akar sebelum dibubarkan berkata, tindakan itu dilakukan sebagai menyahut hasrat dan perjuangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk melihat perpaduan di kalangan rakyat negara ini, terutama di kalangan orang Melayu dan Bumiputera, berada pada tahap kukuh.

Dalam masa sama, katanya, keputusan itu dibuat kerana berpendapat parti itu tidak lagi mampu untuk menghadapi cabaran politik pada masa depan, khususnya dalam usaha memperjuangkan tiga kelompok terbesar di Sabah iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam serta bukan Bumiputera.

Sambil memberi analogi Akar sebagai sebuah bahtera kecil belayar di lautan luas dan cuaca yang tidak menentu, Pandikar Amin berkata sebelum bahtera itu tenggelam di dasar laut akibat pukulan ombak, muatan berharganya perlu dipindahkan ke bahtera lebih besar, selamat, mempunyai peralatan canggih serta nakhoda berpengalaman dan berkemahiran iaitu Umno.

Sehubungan itu, katanya, keputusan memilih menyertai Umno adalah pilihan paling tepat dan wajar kerana kedudukannya sebagai parti terbesar dan paling berjaya di negara ini, selain menjadi tonggak utama kekuatan Barisan Nasional (BN).

"Adalah menjadi harapan Akar bahawa pengorbanan kecil ini akan menjadi pemangkin kepada pengorbanan lebih besar daripada pihak-pihak yang tertentu.

"Tindakan Akar hari ini kami sifatkan sebagai langkah pertama dalam seribu langkah ke arah perpaduan jitu yang diidamkan oleh kita semua," katanya berucap pada majlis perhimpunan khas parti itu di Hotel Magellan Sutera, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno mengisytiharkan pembubaran Akar secara rasmi untuk menyertai Umno secara beramai-ramai.

Pandikar Amin yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, beliau mendapat mandat untuk menentukan hala tuju parti daripada pucuk pimpinan serta perwakilan Akar pada kongres parti itu 25 November tahun lalu.

"Keputusan membubarkan parti telah disampaikan kepada semua perwakilan ketika kongres khas tertutup parti itu semalam," katanya.

Beliau berkata, walaupun mungkin ada pihak beranggapan keputusan itu sebagai bodoh, kesilapan besar yang tidak berwawasan dan `katak paling besar dalam sejarah politik Sabah', beliau sanggup mengambil risiko itu demi menyahut seruan Dr Mahathir terhadap perpaduan kebangsaan dengan menyifatkannya sebagai "bagai sireh pulang ke gagang".

Katanya, kesungguhan Perdana Menteri terhadap perpaduan itu tergambar melalui usaha beliau baru-baru ini yang sanggup berbincang dengan parti pembangkang tentang perpaduan Melayu.

"Sebagai seorang ketua kerajaan yang menerajui parti terbesar di Parlimen dan telah membuktikan keunggulan pencapaian kerajaan yang dipimpinya, beliau sepatutnya tidak perlu berbuat demikian.

"Namun, demi perpaduan, beliau sanggup mengetepikan kepentingan diri yang benar-benar menunjukkannya sebagai pemimpin jujur, ikhlas serta

berjiwa besar," katanya.

Sehubungan itu, Pandikar Amin menyerahkan kedudukannya, pemimpin dan ahli Akar yang lain kepada pertimbangan Perdana Menteri kerana keputusan pembubaran itu, sekali gus melucutkan hak beliau sebagai seorang daripada Naib Pengerusi BN Pusat serta kuota parti untuk jawatan di peringkat Persekutuan dan negeri.

(END)